

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA MERASMIKAN SEMINAR
PENGARANG-PENGARANG INDONESIA DAN MALAYSIA
YANG PERTAMA DI AUDITORIUM MARA
KUALA LUMPUR PADA 23 OGOS 1967**

**Tuan Pengerusi,
Y.B. Menteri Penerangan dan Penyiaran',
Tuan-tuan dan puan-puan;**

Saya sungguh gembira kerana diberi penghormatan bagi merasmikan Seminar Pengarang-pengarang Indonesia dan Malaysia yang pertama kali diadakan pada hari ini. Sungguhpun boleh dikatakan saban hari saya ditemui oleh Wartawan-wartawan - kadang-kadang 'diserang hendap' atau di '*ambush*' oleh mereka dan sekali sekala membuat ucapan kepada Press Club di merata-merata dunia, tetapi hari ini, pada ingatan saya, adalah pertama kalinya saya membuka Seminar untuk Pengarang-pengarang atau Wartawan-wartawan. Oleh kerana orang-orang surat khabar mewah dengan '*imagination* dan '*interpretation* dan pandai pula 'mengtwistkan' kata-kata untuk kepentingan berita dan kehendak masing-masing - maka sebab itulah - saya selalu berhati-hati apabila bercakap dengan kaum Pengarang dan Wartawan. Bagi diri sendiri, saya lebih suka '*A Go-Go*' dari '*Twist*'. Biarlah Wartawan-wartawan '*twist*, Saya lebih senang dengan '*A Go-Go*'. Saya suka melihat orang-orang kita bekerja dan mengejar kemajuan serancak seperti orang-orang menari '*A Go-Go*'. Pembangunan negara dan luar bandar Malaysia sekarang sedang berjalan dengan rancaknya, sentiasa mara ke hadapan atau '*always on the go*' ataupun '*Go Ahead*' kata orang-orang sekarang.

Saya amat sukacita bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia mengucapkan selamat datang kepada saudara-saudara kita dari Indonesia ke Kuala Lumpur. Saya lihat ada antaranya yang sudah pun pernah ke Ibu Kota Malaysia; seperti Saudara Mochtar Lubis, kepadanya juga, saya mengucapkan selamat datang ke Kuala Lumpur sekali lagi. Saya berharap semasa berada di Kuala Lumpur saudara-saudara akan mengambil sebanyak-banyak peluang untuk bersiar-siar, melawat ke tempat-tempat yang saudara suka dan berkenalan dengan rakyat Malaysia. Saya tidak kira ada seorang pun antara saudara-saudara yang akan merasa tidak senang dengan Kuala Lumpur. Buatlah Ibu kota kami ini, sebagai rumah saudara-saudara sendiri. Seluruh rakyat Malaysia menerima tetamu-tetamunya dengan baik.

Seminar ini adalah sangat kena pada masa dan tema atau temanya pula, iaitu kerjasama antara akhbar, radio dan televisyen, Indonesia/Malaysia, amat sesuai dan selaras dengan dasar dan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kedua-dua kerajaan untuk mempererat lagi kerjasama dan perasaan muhibbah dan persahabatan antara negara-negara jiran, terutama sekali kedua-dua negara tetangga yang dekat iaitu - Indonesia dan Malaysia.

Semenjak A S E A N ditubuhkan baru-baru ini, ini adalah kerjasama yang pertama diadakan di antara Malaysia dan Indonesia. Harapan masa hadapan sangatlah cerah bagi Tenggara Asia dengan adanya pakatan A S E A N ini dan saya berharap ASEAN akan dapat mengisikan segala kekosongan yang ada dalam bidang kerjasama wilayah bagi kebaikan negara-negara yang sederhana dan kecil yang sedang membangun dalam kawasan ini.

Seminar ini juga adalah satu langkah bagi merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Indonesia yang bertambah baik dari sehari ke sehari. Semenjak konfrantasi tamat lebih setahun dahulu, banyak kerjasama dalam bidang ketenteraan, pelajaran, kebudayaan dan perdagangan telah berjalan dengan lancar dan baik. Sekarang pula diadakan kerjasama dalam dunia penerangan dan penyiaran. Saya berharap tidak berapa lama lagi semua perhubungan akan pulih seperti Sebelum konfrantasi dahulu. Dan persahabatan antara Indonesia/Malaysia akan lebih erat lagi dari masa-masa yang lampau.

Kepada Pusat Akhbar Asia Tenggara atau '*The South East Asia Press Centre*', saya suka mengucapkan tahniah kerana menganjurkan Seminar ini. Sungguhpun Seminar ini merupakan satu projek yang kecil, namun sumbangannya tidaklah kurang penting sebagai satu contoh kerjasama wilayah yang kita harap subur tumbuhnya dan berkembang dalam semua aktiviti penghidupan. Setelah Pusat ini ditubuhkan pada tahun 1963 oleh Akhbar-akhbar Malaysia. Pertubuhan Akhbar Antarabangsa atau IPI bagi Asia, Kerajaan Malaysia dan Yayasan-yayasan telah banyak menumpukan masa bagi mengadakan latihan-latihan kewartawanan. Semenjak kursus pertama bagi pemberita-pemberita muda di dalam bulan Oktober, 1963, '*workshop-workshop*' dan Seminar-seminar dan kursus-kursus ulangan telah dijalankan di Kuala Lumpur, Kuching, dan Jesselton. Sekarang Pusat Akhbar ini menjadi tempat latihan kewartawanan bagi pemberita-pemberita dari Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Ceylon, dan sekarang ini termasuk Indonesia. Saya berharap banyak lagi negara-negara Tenggara Asia yang akan menghantarkan pemberita-pemberitanya untuk menerima latihan di sini. Kita berterima kasih kepada Yayasan Ford, IPI dan akhbar-akhbar dalam negara-negara anggota yang telah sama-sama menjayakan projek yang baik dan sangat berguna ini.

Kerajaan Malaysia akan sentiasa memberi sokongan kepada projek latihan wartawan-wartawan ini kerana kita tahu bahawa Pusat ini bukan sahaja melatih wartawan-wartawan untuk menulis berita-berita yang baik dan objektif, yang mudah difaham oleh rakyat bagi siaran-siaran akhbar, radio dan televisyen tetapi ia juga menolong meluaskan sikap dan pandangan wartawan-wartawan Asia dan

meyakinkan mereka kepada tanggungjawab membentuk pendapat dan fikiran orang ramai yang bebas, adil, luas dan objektif.

Seperti negara-negara demokrasi yang lain, dalam dunia ini, kerajaan Malaysia menghormati kebebasan bersuara, bersuratkhobar, kebebasan beragama, dan kebebasan-kebebasan yang lain lagi asalkan kebebasan ini tidak disalahgunakan untuk merosakkan negara dan manusia yang lain, iaitu, tidak terkeluar dari undang-undang dan tidak merosakkan perpaduan rakyat dan membahayakan keselamatan negara. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kerajaan Malaysia, di bawah pimpinan Parti Perikatan menggalakkan kritik-kritik yang sihat, dan membina yang boleh mendatangkan faedah dan keuntungan kepada rakyat dan negara ini walau dari mana sekalipun kritik-kritik itu datang.

Tetapi apakah peranan surat khabar atau Press dalam sebuah negara yang sedang membangun dan maju seperti Malaysia ini? Apakah pula kewajipan wartawan-wartawan dan surat-surat khabar terhadap rakyat dan negara yang bukan sahaja menjamin tetapi mempertahankan kebebasan menulis dan bercakap? Atau dalam lain-lain perkataan, mahalkah bayarannya terhadap '*privileges-privileges*' atau hak-hak istimewa '*Press*' ini?

Nampaknya, dalam sebuah negara yang sedang bangun dan maju terdapat dua konsep berkenaan dengan '*Press*' yang bertanggungjawab. Konsep yang pertama ialah '*Controlled or Subsidized Press*' - surat-surat khabar yang terkawal atau menerima bantuan dari Kerajaan. Keburukan konsep ini ialah surat-surat khabar di bawah sistem ini tidak bebas, mereka bias dan berat sebelah kepada pihak Kerajaan sahaja atau mana-mana golongan sahaja yang mengawal dan membantunya. Konsep yang kedua ialah, sebuah akhbar yang mahu hidup bebas dan menjadi sebuah akhbar yang terbaik, mestilah merdeka dari tekanan-tekanan Kerajaan dan mempunyai wang yang banyak dan tidak memerlukan bantuan wang dari pihak-pihak lain.

Kita di Malaysia telah memilih konsep yang kedua dan kita tidak menyesal di atas pemilihan ini. Sebenarnya kita mahu menyegarkan lagi konsep ini. '*Press*' Malaysia adalah, pada keseluruhannya, bertanggungjawab dan mempunyai *standard* yang agak tinggi dalam semua segi di dunia sebelah sini, tetapi sungguhpun begitu, *standard* surat khabar dan penyiaran berita-berita di Malaysia mestilah diperbaiki lagi sehingga mutunya dapat menandingi akhbar-akhbar yang masyor di negara-negara yang maju dan bertamadun di dunia ini.

Kewajipan dan tugas surat-surat khabar, wartawan-wartawan dan pengarang dalam sebuah negara yang sedang membangun, pada pendapat saya, ialah untuk memberi khidmat dan mencerminkan secara objektif dan terus terang pendapat dan fikiran rakyat dan negara di mana surat khabar itu diterbitkan dan memberi khidmat. Surat-surat khabar wajib melawan penindasan, tekanan-tekanan dan membela serta mempertahankan kebebasan dan keadilan. Surat-surat khabar patut menjadi satu '*force*', satu kekuatan atau sekurang-kurangnya satu pendorong yang besar untuk menjamin yang sebuah Kerajaan atau pemerintah itu bersih,

jujur dan adil dan memberi khidmat yang baik kepada kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyatnya. Dalam lain-lain perkataan, akhbar-akhbar mestilah menjadi '*guardian*' atau pengawal hak-hak dan kebebasan rakyat daripada dipermainkan-mainkan dan dinodai oleh mana-mana pihak pun. Untuk menjalankan tugas-tugas ini, pengarang-pengarang dan wartawan-wartawan mestilah ada '*conscience*' dan mempunyai hati yang tabah, yang mereka tidak takut untuk memperjuangkan '*principle*'nya dengan tidak kira sama ada ia akan berjaya atau tidak. Jika pengarang-pengarang mempunyai '*conscience*' dan hati yang tabah maka baharulah surat-surat khabar itu ada '*conscience*' dan hati dan dengan adanya ini maka barulah dapat mereka memperjuangkan cita-cita pembaca akhbar-akhbar itu dan rakyat seluruhnya. Dalam negara ini, kita sungguh bernasib baik kerana surat-surat khabar Malaysia walaupun diterbitkan di dalam berbagai-bagai bahasa mereka tidak pula terkeluar dari cita-cita kebangsaan Malaysia, iaitu, untuk melahirkan satu rupa bangsa dan sebuah negara yang sebenar-benarnya berperasaan Malaysia, yang rakyatnya mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini, dari rakyatnya yang berbilang bangsa, agama, dan kebudayaan. Pada pandangan saya, pada amnya, surat-surat khabar di Malaysia ini menjalankan tugas nasional dengan baik dan mereka sedang memupuk perasaan Malaysia yang sebenarnya di kalangan rakyat dan mengasuh mereka untuk menjadi bangsa Malaysia yang bertimbang rasa, praktikal dan patriotik.

Satu lagi tugas yang surat-surat khabar, radio dan televisyen mesti menjalankan, ialah untuk memberi penerangan yang cukup kepada rakyat berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan untuk membolehkan mereka membuat pertimbangan-pertimbangan yang adil sebelum mereka membuat sebarang keputusan sama ada hendak menyokong atau membangkang satu-satu dasar Kerajaan itu. Akhbar-akhbar dan alat-alat penyiaran dan penerangan yang lain adalah 'orang perantaraan' di antara yang memerintah dengan mereka yang diperintah. Melalui akhbar-akhbar dan siaran-siaran yang lain rakyat dapat mengetahui akan kehendak-kehendak dan dasar-dasar Kerajaan dan dengan itu dapatlah mereka membuat keputusan-keputusan yang bijak dan baik. Surat-surat khabar juga mestilah memimpin rakyat untuk mendapat pelajaran yang berguna melalui pembacaannya berkenaan dengan masalah-masalah politik dalam dan luar negeri, Kerajaan, perhubungan dan persahabatan antarabangsa, keamanan dunia dan membangkitkan semangat dan keinsafan supaya mereka melengkapkan diri untuk menempuhi hidup dan mencapai kemajuan-kemajuan yang sesuai dengan tuntutan masa dan zamannya.

Satu-satunya perkara yang saya suka lihat ialah kuasa dan pengaruh yang kuat yang ada di tangan '*Press*', Radio dan Televisyen di negara-negara yang sedang membangun dan maju, khasnya di Malaysia ini, digunakan seluas-luasnya dan cara paling berkesan sekali untuk menggesa dan mempengaruhi rakyat sehingga mereka sedar dan ingin untuk mengejar kemajuan dan menukarkan sikap dan cara hidup dan pemikiran mereka. Dan dari kesedaran ini mereka

menjadi lebih praktikal dan dapat menghadapi kenyataan-kenyataan hidup dalam abad ini.

Pada keseluruhannya, *'Press'* di Malaysia telah menjalankan tugasnya dengan sempurna. Apa yang dikehendaki sekarang ini ialah *'respond'* dari rakyat pula. Kerajaan telah berbuat apa sahaja yang mungkin dan mampu untuk memberi kemajuan dan kesedaran kepada semua rakyat. Sekarang terserahlah bulat-bulat kepada rakyat sendiri sama ada mereka mahu maju atau tidak, dan sama ada mereka mahu menerima perubahan-perubahan yang diperjuangkan dan dibawa oleh Kerajaan itu. Jika mereka ingin maju maka mereka terpaksa mengubah sikap mereka dengan melengkapi diri masing-masing dan menerima cabaran-cabaran hidup dalam dunia yang penuh dengan pertandingan-pertandingan ini.

Pada bulan Jun yang lepas, Indonesia dan Malaysia telah berjaya mengadakan rundingan mengenai penyamaan ejaan dan Kerajaan Malaysia telahpun menerima *'recommendation-recommendation'* Jawatankuasa ini dan hanya menantikan persetujuan pihak Indonesia sahaja Sebelum melaksanakan *'recommendation-recommendation'* ejaan baru itu.

Adalah amat penting bagi kedua-dua negara ini menyamakan ejaan dan istilah-istilah dalam kedua-dua bahasa yang sebenarnya berasal dari satu rumpun bahasa sahaja, iaitu, Bahasa Melayu. Dan saya yakin dengan adanya persetujuan berkenaan dengan penyamaan ejaan ini, Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia akan lebih maju lagi dan saya berharap melalui tukar menukar buku-buku bacaan, pengalaman dan ilmu pengetahuan maka pada suatu masa yang tidak lama lagi kelak, kedua-dua bahasa ini tidak lagi menjadi kekok bagi rakyat kedua-dua negara yang berjiran ini.

Setelah ini tercapai kelak kita akan melihat satu zaman yang gilang gemilang dalam dunia kesusasteraan dan persuratan dalam Bahasa Indonesia/Malaysia akan timbul bagi menemui kehendak-kehendak lebih daripada 120 juta manusia yang mengetahui dan menggunakan bahasa Malaysia dan Indonesia di Tenggara Asia ini. Saya harap Seminar ini akan membuka jalan yang baik bagi memulakan kerjasama di antara Indonesia/Malaysia dalam dunia penyiaran dan penerangan dan yang kerjasama ini akan menjadi sebuah jambatan yang akan mengeratkan lagi tali persahabatan antara kedua-dua negara jiran yang rapat ini.

Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan Seminar ini dengan rasminya.